

The Edge mendapat semakan kehakiman

zahidhamidi.com

August 6, 2015

By Admin

Syarikat penerbitan The Edge Communications Sdn Bhd semalam berjaya memperoleh kebenaran bagi semakan kehakiman berhubung penggantungan dua penerbitannya oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Dua penerbitan syarikat itu, The Edge Weekly dan The Edge Financial Daily, telah digantung penerbitan selama tiga bulan sejak 27 Julai lepas. Antara sebab bagi penggantungan itu adalah berkaitan laporannya mengenai isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Artikel yang diterbitkan telah melanggar Seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Laporan-laporan yang dibuat oleh syarikat penerbitan itu adalah berdasarkan maklumat yang meragui dan belum disahkan, ia berkemungkinan dapat memudaratkan ketenteraman awam dan kepentingan negara. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mendakwa sebelum ini bahawa laporan dari kedua-dua penerbitan itu dapat menimbulkan persoalan dan persepsi negatif orang ramai terhadap 1MDB serta hubungkait dengan kerajaan dan pemimpin negara. Menurut Kementerian Dalam Negeri (KDN) lagi, kontroversi 1 Malaysia Development Berhad atau 1MDB masih dalam siasatan dan ia dianggap tidak adil kepada syarikat milik kerajaan itu.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Datuk Asmabi Mohamad membuat keputusan tersebut di dalam kamar dengan dihadiri Peguam Kanan Persekutuan Alice Loke yang mewakili Kementerian Dalam Negeri KDN dan peguam syarikat penerbitan itu, Daryl Goon. Alice kemudian memberitahu pemberita bahawa mahkamah bagaimanapun menolak permohonan syarikat itu untuk penangguhan sementara penggantungan kedua-dua penerbitan itu sehingga permohonan inter-parte didengar dan Mahkamah menetapkan Rabu 12 Ogos untuk pendengaran permohonan inter-parte tersebut.

Pada 27 Julai lepas syarikat penerbitan itu memfailkan permohonan semakan kehakiman dengan menamakan Ketua Setiausaha KDN dan Menteri Dalam Negeri sebagai responden. The Edge Communications Sdn Bhd telah memohon diberi kebenaran untuk memulakan prosiding

di bawah Aturan 53 Kaedah 3 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 bagi mendapatkan perintah certiorari supaya mahkamah menolak keputusan Menteri Dalam Negeri (KDN). Syarikat penerbitan itu turut memohon suatu perintah interim untuk penggantungan pelaksanaan keputusan sehingga penyelesaian pendengaran permohonan dan kos.

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2015/08/06/the-edge-financial-daily-kdn/>